

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]**

SOALAN NO. 217

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah komprehensif yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi membendung masalah penularan penyakit berjangkit yang boleh dicegah menerusi vaksin dalam kalangan pelajar sekolah memandangkan tiada peraturan mandatori vaksin ketika ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius perkara berkaitan kesihatan dan keselamatan murid. Pelbagai usaha telah diambil oleh KPM bagi membendung masalah penularan penyakit berjangkit dalam kalangan murid sekolah dan antaranya adalah seperti berikut:

1. Memberi pendedahan dan pendidikan mengenai penyakit berjangkit melalui pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Kesihatan merangkumi pemahaman berkaitan cara mencegah merebaknya penyakit berjangkit seperti campak, rubella, cacar dan beguk;
2. Memastikan bahawa maklumat tentang sejarah kesihatan, rekod imunisasi dan persetujuan bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan imunisasi murid-murid direkodkan oleh ibu bapa ke

NO. SOALAN: 217

dalam sistem Rekod Kesihatan Murid Secara Dalam Talian (e-RKM) sebelum pihak sekolah diminta menyemak kesahan persetujuan tersebut;

3. Mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui pelbagai aktiviti dan program 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan). Antaranya, Anugerah 3K, *Dengue Patrol* dan sebagainya. Pihak sekolah juga telah diminta melaporkan dengan segera kepada pejabat kesihatan daerah (PKD) atau klinik berhampiran sekiranya terdapat jangkitan penyakit-penyakit berjangkit di kalangan murid-murid seperti penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) dan beguk. Arahan penutupan kelas dan sekolah (jika perlu) akan dikeluarkan oleh KKM; dan
4. Memastikan agar seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996, Bab 12 – Peruntukan Kemudahan dan Perkhidmatan, 65.(1) dilaksanakan iaitu setiap orang murid dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa dan sekiranya sesiapa yang tidak mematuhiya boleh didakwa dan didenda jika sabit kesalahannya.

Sekian, terima kasih.

RT26/217